

BAB I

PENDAHULUAN

1.1. Latar Belakang Masalah

Kemajuan peradaban Islam di India¹ baru tercapai ketika masa pemerintahan Dinasti Mughal (1526-1857). Bersama dengan dua kerajaan lain semasanya, iaitu Safawiyah di Persia dan Turki Usmani di Anatolia, Mughal menjadi lambang kebangkitan kedua dunia Islam selepas Zaman Klasik.² Pengasas pertama Dinasti Mughal adalah Babur,³ selepas dia mengalahkan Ibrahim Lodi, penguasa terakhir Dinasti Lodi, di Panipat pada tahun 1526. Babur tidak lama memerintah kemudian digantikan oleh anaknya, Humayun. Humayun juga tidak lama memerintah kemudian digulingkan oleh Sher Shah daripada Dinasti Sur tahun 1540. Kekuasaan Dinasti Sur direbut kembali oleh Humayun pada tahun 1555, tetapi setahun kemudian dia meninggal dunia.⁴

Dinasti Mughal mengalami puncak kejayaan apabila diperintah oleh cucu Babur, anak daripada Humayun, iaitu Akbar.⁵ Kerana kejayaan dan kebesaran

¹ India yang dimaksud di sini bukan wilayah negara India sekarang, tetapi wilayah yang juga meliputi negara sebahagian Afghanistan, Pakistan, dan sekitar Bangladesh.

² Harun Nasution, *Islam Ditinjau dari Berbagai Aspeknya*, Jilid I, Jakarta: Universitas Indonesia Press, 1985, hlm. 84.

³ Nama asalnya adalah Zahiruddin Muhammad. Babur adalah nama panggilannya daripada bahasa Turki yang bererti 'singa'. Ayahnya adalah Umar Syaikh Mirza, penguasa Ferghana, Persia (daerah Afghanistan sekarang). Babur menerima tumpuk kepimpinan Ferghana daripada ayahnya pada tahun 1494 apabila ia berumur 11 tahun. Ibunya adalah keturunan Mongol, anak daripada Yunus Khan, seorang yang berbudaya dan pemimpin Bangsa Mongol yang mempunyai garis keturunan dengan Chingiz Khan. Tetapi Babur lebih suka merujukkan dirinya sebagai orang Turki daripada garis keturunan ayahnya dan benci apabila disebut orang Mongol. Lihat J. C. Powell-Price, *A History of India*, London: Thomas Nelson & Sons Ltd , 1955, hlm. 233.

⁴ S. M. Ikram, *Muslim Civilization in India*, edited by Ainslie T. Embree, New York: Columbia University Press, 1964, hlm. 137-142.

⁵ Nama lengkapnya adalah Abu'l-Fath Jalal al-Din Muhammad Akbar, lahir di Amarkot, Sind, pada tanggal 15 Oktober 1542, naik tahta di Kalanur, Punjab, pada tanggal 14 Februari 1556 dan meninggal dunia di Agra pada tanggal 16 Oktober 1605. Ibunya adalah Hamida Banu, puteri

Dinasti Mughal yang diwujudkannya, Akbar dianggap pendiri Dinasti Mughal yang sebenar.⁶ Wilayahnya terbentang luas dari Punjab sehingga Bengal (Bangla)⁷ di timur (sebahagian besar wilayahnya adalah negara Bangladesh sekarang), Kashmir dan Kabul di utara sehingga Deccan di selatan.⁸ Pada masanya, Dinasti Mughal menjadi pusat kebudayaan Islam kerana ianya merupakan simbol puncak perjuangan panjang untuk membentuk sebuah empayar India yang memusat, puncak daripada usaha untuk membentuk sebuah budaya Islam yang berdasarkan kepada sebuah sistem antara warisan budaya bangsa Turki, Persia, dan India, serta puncak daripada percampuran antara identiti Persia-India bagi negara dan masyarakatnya.⁹

Pemerintahan Akbar merupakan masa kejayaan pelbagai bentuk kesenian. Apresiasinya tentang seni lukis ditunjukkan dengan mendirikan sekolah seni Indo-Persia. Dia juga mahir bermain beberapa alat muzik dan mempelajari lagu-lagu Hindu. Di bidang seni bina, dia membangunkan sebuah bandar bercorak Hindu-Islam di Fatehpur Sikri.¹⁰ Sastera dan pendidikan juga mendapat perhatiannya,

seorang terpelajar dari Persia. Lihat H. A. R. Gibb dan J. H. Kramers, *Shorter Encyclopaedia of Islam*, Leiden: E. J. Brill, 1961, hlm.27.

⁶ Lihat James H. Gense, *A History of India: from the Earliest Time To the Present Day*, London: MacMillan & Co., Limited St. Martin's Street, 1951, hlm. 167, Sir William W. Hunter, *A Brief History of the Indian Peoples*, Oxford: Clarendon Press, 1893, hlm. 134; Lebih jelasnya lihat Umar Asasuddin Sokah, "Sultan Akbar Pembangun Kerajaan Islam Mughal", *al-Jami'ah*, No. 38 (1989), hlm. 32-53; Michael Prawdin, *The Builders of the Mogul Empire*, London: George Allen & Unwin Ltd., 1963, hlm. 127-189.

⁷ Wilayah *Bangla* pada mulanya bernama *Bonggo*. Pada zaman pemerintahan para pengusa Islam (1203-1676) dikenal dengan *Bangla*, kemudian pada masa Akbar terkenal dengan *Suba-i Bangaal*, sedangkan pada masa penjajahan Inggeris ditukar dengan *Bangla*. Lihat M. Abdul Karim, *Berdirinya Bangladesh*, Makalah Disampaikan dalam Diskusi Ilmiah Pertemuan Dosen-dosen Fakultas Adab IAIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, 30 September 2000, hlm. 2. Selanjutnya penyebutan wilayah tersebut dalam disertasi ini akan menggunakan kata *Bangla* sepertimana penyebutan yang biasa pada masa itu.

⁸ Ira M. Lapidus, *Sejarah Sosial Umat Islam*, bahagian I dan II, diterj. oleh Ghufron A. Mas'adi, Jakarta: Raja Grafindo Persada, 1999, hlm. 693.

⁹ *Ibid.*, hlm. 694.

¹⁰ Sir Goerge Dunbar, *India and the Passing Empire*, London: Nicholson & Watson, 1951, hlm. 34.

banyak karya sastera dalam bahasa Sanskrit diterjemahkan ke dalam bahasa Persia atas perintahnya, termasuk *Mahabharata* dan *Atharva Veda*. Banyak buku dalam bidang sejarah, sastera, dan agama ditulis pada masanya.¹¹ Oleh itu, istananya menjadi pusat budaya yang belum pernah ada di India sehingga dapat menarik minat para penyair, musisi, seniman, dan intelektual terbesar di seluruh kerajaan.¹²

Jawaharlal Nehru semasa memberikan komen tentang Akbar mengungkapkan: "Sebagai seorang wira dia menaklukkan banyak wilayah di India, tetapi perhatiannya diarahkan ke penaklukkan yang lebih abadi, iaitu penaklukkan fikiran dan hati masyarakat India."¹³ Pernyataan tersebut nampaknya tidak terlalu berlebihan, kerana sebagai peribadi beliau adalah penyokong Thariqat Chishtiyah¹⁴ yang membolehkan beberapa bentuk sintesis antara budaya Hindu dan Islam¹⁵ dan secara genetik mahupun geografik dia hidup di lingkungan keluarga yang menganut Islam tidak secara eksklusif melalui datuknya, Babur, yang dibawa daripada Persia.¹⁶

Sebagai seorang raja, memang tidak boleh dielakkan kalau Akbar sentiasa mencakupi daerah kekuasaannya. Tetapi di sebalik itu dia memberikan

¹¹ R. R. Sethi, P. Saran, dan D. R. Bhandari, *The March of Indian History*, Delhi: Ranjit Printers & Publishers Chandni Chowk, 1951, hlm. 417.

¹² Powell-Price, *A History of India*, hlm. 276-277.

¹³ Kutipan asli kata Nehru sebagai berikut: *As a warrior he conquered large parts of India, but his eyes set another and more enduring conquest, the conquest of minds and hearts of the peoples.*" Lihat Jawaharlal Nehru, *The Discovery of India*, London: Meridian Books, 1950, hlm. 237.

¹⁴ Thariqat Chishtiyah diperkenalkan di India oleh Khwaja Mu'in al-Din Hasan Chishty yang lahir di wilayah Tenggara Iran pada tahun 1141, menetap di India dan meninggal di Ajmer pada tahun 1236. Thariqatnya tersebar di penjuru wilayah Rajasthan, Bangla, dan Deccan. Thariqat tersebut juga merupakan thariqat terbesar di dataran rendah daerah aliran Sungai Gangga bahagian utara dan Punjab. Thariqat Chishtiyah membentarkan doktrin Ibn 'Arabi mengenai kesatuan wujud sehingga timbul keyakinan bahawa sikap spiritual adalah lebih penting disbanding amalan dan hukum agama yang bersifat spesifik dan menganut sebuah falsafah 'tidak berpolitik dan tidak menggunakan kekerasan'. Lihat Lapidus, *Sejarah Sosial Umat Islam*, hlm. 687 & 689

¹⁵ *Ibid.*, hlm. 700.

¹⁶ Akbar S. Ahmed, *Living Islam*, diterj. oleh Pengestuningsih, Bandung: Mizan, 1997, hlm. 139.

kesempatan yang besar kepada orang-orang India tempatan untuk menjadi kakitangan kerajaan, menghapuskan *jizyah* bagi orang-orang non-Muslim, tidak melarang pendirian gereja, sama ada orang Hindu bebas memperbaiki dan mendirikan kuil mereka.¹⁷ Dia memilih kakitangan daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mempersoalkan agama mereka. Dia juga mengahwini puteri Hindu daripada Suku Rajput yang dibebaskan melaksanakan kepercayaannya di dalam istana.¹⁸ Bahkan dia mendirikan tempat pertemuan yang disebut *Ibadat Khana* (rumah ibadah) di Fatehpur Sikhri untuk memecahkan pelbagai persoalan falsafah dan teologi dengan menjemput tokoh-tokoh daripada pelbagai agama seperti Islam, Nasrani, Hindu, Jain, dan Zoroaster.¹⁹

Di sini nampak sekali usaha Akbar menciptakan Dinasti Mughal di bawah pemerintahannya sebagai sebuah pusat budaya kosmopolitan yang inklusif dibanding menciptakan sebuah budaya eksklusif. Aktiviti yang dilakukannya tersebut tidak hanya berkesan ke atas pemerintahan, birokrasi, dan militer sahaja, tetapi juga ke atas kesenian, budaya, dan pandangan hidup.²⁰ Pelbagai usaha Akbar sebagai peribadi dan seorang raja dalam sebuah masyarakat majmuk masa itu menurut Schimmel diasaskan kepada konsep *Sulh-i-Kul* (toleransi universal)²¹ yang dipegangnya dengan tidak membezakan agama, golongan, dan ideologi.

Berpandukan kepada asas toleransi universal itulah yang kemudiannya Akbar menetapkan semacam *mahzar* pada tahun 1579.²² *Mahzar* tersebut

¹⁷ Annemarie Schimmel, *Islam in the Indian Subcontinent*, Leiden: E. J. Brill, 1980, hlm. 83.

¹⁸ Ikram, *Muslim Civilization in India*, hlm. 148.

¹⁹ K. Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, Dhaka: Ali Publications, 1980, hlm. 236-237.

²⁰ Nehru, *The Discovery of India*, hlm. 237.

²¹ Schimmel, *Islam in the Indian Subcontinent*, hlm. 83.

²² Munculnya *mahzar* itu adalah kerana saranan daripada Shaikh Mubarak, seorang yang berfikiran liberal dan ayah daripada Abu'l Fazl, setia usaha Akbar, dan Faizi, pujangga istana

memberikan kekuasaan penuh kepada Akbar untuk memutuskan pelbagai masalah keagamaan sebagai *imam al-adil* sepermulaan kekuasaan yang dipunyainya untuk memberikan keputusan dalam masalah-masalah politik yang didasarkan kepada persamaan dan keadilan.²³ Pemberlakuan *mahzar* ini menurut Smith menimbulkan ketidakpuasan sebahagian orang Muslim sehingga mengadakan pemberontakan di Bangla tahun 1580 dan perkara ini menunjukkan bahawa sebenarnya Akbar tidak bersikap moderat terhadap orang-orang Muslim.²⁴ Tetapi pernyataan tersebut ditolak dalam buku *The Cambridge History of Islam. Mahzar* itu sebenarnya diberlakukan oleh Akbar untuk meredam kekuatan kaum ortodoks Islam²⁵ yang semakin menguat masa itu dalam menerapkan ajaran Islam yang *rigid*.²⁶ Menjadi perkara yang wajar selepas *mahzar* itu diberlakukan, mereka mengadakan perlawanan kerana merasa gerakan mereka selama itu semakin dibatasi. Lebih lanjut *mahzar* tersebut juga sebenarnya untuk mengambil jalan tengah terhadap pelbagai perselisihan hukum antara beberapa aliran pemikiran Islam pada masa itu.²⁷

Perwujudan konsep toleransi universal Sultan Akbar mengalami kemuncak dalam pemikiran keagamaannya ketika beliau mengumumkan *Din-i-Ilahi* atau *Tauhid-i-Ilahi*. Di dalam *Din-i-Ilahi*, Akbar memasukkan pelbagai

Akbar. Lihat dalam Ikram, *Muslim Civilization in India*, hlm. 158. *Mahzar* ini oleh Vincent Smith disebut secara kurang tepat dengan *infallibility decree* (dekrit tidak dapat berbuat salah). Pendapat Smith boleh dirujuk dalam Vincent A. Smith, *The Oxford History of India: From the Earliest Time to the End of 1911*, Oxford: Clarendon Press, 1928, hlm. 357.

²³ Schimmel, *Islam in the Indian Subcontinent*, hlm. 82.

²⁴ Smith, *The Oxford History of India*, hlm. 357-358.

²⁵ Ortodoks secara bahasa bererti berpegang teguh kepada ajaran atau kepercayaan rasmi (dalam masalah agama). Kaum ortodoks Islam boleh diertikan sebagai orang-orang Muslim yang *berpegang teguh pada ajaran rasmi hukum Islam (fiqh) secara formal dan kaku*.

²⁶ P. M. Holt, Ann K. S. Lambton, dan Bernard Lewis, *The Cambridge History of Islam*, vol. II, Cambridge: Cambridge University Press, 1970, hlm. 42.

²⁷ Ali, *History of India, Pakistan, and Bangladesh*, hlm. 238.

ajaran agama-agama seperti Islam, Hindu, Jain, Zoroaster, dan Kristian.²⁸ Kerana itulah ada sebahagian sejarawan yang menganggap Akbar telah keluar daripada Islam.²⁹ Akan tetapi, pernyataan tersebut dibantah oleh beberapa sejarawan lainnya, kerana menurut mereka *Din-i-Ilahi* lebih kepada sebuah *order*³⁰ atau sistem etik³¹ dibandingkan sebuah agama. Melalui konsep toleransi universalnya, Akbar tidak memaksakan orang lain untuk menjadi pengikut *Din-i-Ilahi*. *Din-i-Ilahi* di samping lebih sebagai *sufi creed*,³² juga sebuah idealisme nasional untuk menyatukan pelbagai elemen bangsa di seluruh wilayah kekuasaannya dalam keharmonian³³

Meskipun terdapat pelbagai kritikan ke atas tindakannya, sebagai seorang penakluk, negarawan, dan penguasa, Akbar menempati posisi terdepan dalam sejarah Islam di India. Prestasi yang menjadikannya pemimpin terbesar di dalam Dinasti Mughal di India, atau mungkin salah satu penguasa daripada beberapa penguasa terbesar di dunia. Seperti yang dikatakan oleh Laurence Binyon bahawa prestasi terbesarnya sebagai seorang penguasa adalah dapat menyatukan pelbagai bangsa, suku, dan agama ke dalam sebuah kesatuan.³⁴ Itulah keberhasilan Akbar

²⁸ Penjelasan secara menyeluruh dan detail tentang *Din-i-Ilahi* dapat ditemukan di dalam buku Umar Asasuddin Sokah, *Din-i-Ilahi: Kontroversi Keberagamaan Sultan Akbar Agung (India 1560-1605)*, Yogyakarta: Ittaqa Press, 1994.

²⁹ Smith, *The Oxford History of India*, hlm. 395; Sir Wolseley Haig, *The Cambridge History of India: The Mughul Period*, vol. IV, Cambridge: Cambridge University Press, 1937, hlm. 130-131.

³⁰ Schimmel, *Islam in the Indian Subcontinent*, hlm. 82. Di bukunya yang lain Schimmel berpendapat bahawa *Din-i-Ilahi* lebih kepada sebuah kelompok keagamaan ekletik (*a religious eclectic group*). Lihat Annemarie Schimmel, *Islam in India and Pakistan*, Leiden: E. J. Brill, 1982, hlm. 10.

³¹ Powell-Price, *A History of India*, hlm. 267.

³² Lihat dalam M. L. Roy Choudhury, *The State and Religion in the Mughal India*, Calcutta: Indian Publicity Society, 1951, hlm. 201.

³³ R. C. Majumdar, H. C. Raychaudhuri, dan Kalikinkar Datta, *An Advance History of India*, London: Macmillan & Co., Limited St. Martin's Street, 1948, hlm. 458-459.

³⁴ Laurence Binyon, *Akbar*, London: Thomas and Nelson Ltd., 1944, hlm. 8

yang belum dan tidak pernah tertandingi oleh penguasa sebelum mahupun sesudahnya.

Masyarakat India pada masa itu adalah masyarakat yang majmuk, terdiri daripada pelbagai agama: iaitu Islam, Budha, Jain, Zoroaster, Yahudi, Nasrani, dan Hindu.³⁵ Perkara ini tentu berkesan terhadap adat resam yang berbeza sesuai dengan agama-agama tersebut. Walau bagaimanapun sebagai penguasa Islam yang kuat masa itu, Akbar nampaknya tidak berniat membentuk sebuah 'negara Islam' dengan memberlakukan hukum Islam secara formal dan kaku. Akbar lebih suka membentuk sebuah *nation-state* (negara-bangsa) yang berdasarkan kepada nilai-nilai universal dan intipati ajaran Islam, yang tidak menutup kemungkinan, nilai-nilai dan intipati tersebut juga terdapat di dalam agama-agama lain selain daripada Islam. Pelbagai aktiviti dan polisi yang berdasarkan kepada nilai-nilai universal itulah yang mampu menyatukan pelbagai elemen bangsa kerana mereka merasa terlindungi, meskipun penguasa itu tidak daripada golongan mereka. Di sinilah letaknya kecerdikan Akbar kerana beliau mampu mengakomodasikan pelbagai kepentingan agama, golongan, ataupun ideologi di dalam kekuasaannya dengan tidak mengistimewakan hanya satu di antara yang lain dengan prinsip toleransi universalnya.

Perwujudan dan manifestasi konsep toleransi universal Akbar, meskipun menimbulkan reaksi negatif daripada kelompok ortodoks Islam, ternyata memberikan kesan yang positif bagi kemajuan pemerintahan Dinasti Mughal dan peradaban Islam Indiaa di dalam kerangka sejarah dunia masa itu. Di samping telah mampu meluaskan wilayah pemerintahannya secara politik, toleransi

³⁵ Nehru, *The Discovery of India*, hlm. 214.

universalnya juga mampu menjamin dan melindungi keyakinan, perasaan, adat resam, tradisi, idea, dan aspirasi semua rakyatnya. Mereka merasa aman mengekspresikan pelbagai kreativiti, kebudayaan, dan adat resam di dalam sebuah *milieu* yang terbuka dan kosmopolitan sehingga mampu menciptakan suatu *universalistic civilization* (peradaban universal atau sejagat).³⁶ Oleh itu, penting untuk melihat secara lebih menyeluruh dan mendalam mengenai usaha Akbar dalam membentuk suatu peradaban universal dengan konsep toleransi universalnya dalam suatu masyarakat yang majmuk di India masa itu.

1.2. Skop dan Perumusan Masalah Kajian

Permasalahan asas yang dibahas dalam disertasi ini adalah usaha Akbar sebagai seorang pemimpin Islam Dinasti Mughal untuk membentuk sebuah peradaban sejagat pada masanya di dalam konteks peradaban dunia. Kajian ini difokuskan pada konsep toleransi universalnya yang mampu menjana kepada terbentuknya peradaban sejagat tersebut. Oleh kerana itu, penyelidikan ini akan melihat lebih jauh rangkaian konsep atau asas yang menjadi garis panduan rencana atau aktiviti Akbar untuk mengembangkan toleransi universalnya dalam pelbagai bidang sehingga mampu membentuk sebuah asas kepada terwujudnya peradaban sejagat yang akan dirumuskan dalam beberapa soalan seperti berikut:

1. Mengapakah Akbar menerapkan toleransi universal dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhinya?

³⁶ Istilah *universalistic civilization* ke atas peradaban Islam pada masa Akbar dikemukakan oleh Marshall G. S. Hodgson, *The Venture of Islam: Conscience and History in A World Civilization (The Gunpowder Empires and Modern Times)*, vol. III, Chicago: The University of Chicago Press, 1974, hlm. 80-81.

2. Bagaimana perwujudan toleransi universal yang dikembangkannya dan intipati daripada toleransi tersebut?
3. Bagaimana kewujudan penerapan toleransi universal terhadap terbentuknya nilai-nilai peradaban universal dan kosmopolitan?

1.3. Objektif dan Manfaat Kajian

Memandangkan posisi Dinasti Mughal di India yang penting dalam sejarah peradaban Islam, kajian ini berusaha mencari sisi-sisi humanisme peradaban Islam di India. Perkara tersebut terutama difokuskan pada masa pemerintah Akbar dalam sebuah realiti masyarakat yang majmuk; bagaimanakah ajaran dan kebudayaan Islam bercampur dengan budaya-budaya yang ada di India pada masa itu, dan bagaimana usaha Akbar menciptakan kondisi harmoni di antara pelbagai agama, meskipun Islam sebagai minoriti, sehingga dihasilkan sebuah kebudayaan dan peradaban yang baru dan 'segar', sebuah kemegahan budaya Islam di India. Dengan toleransi universalnya, Akbar berhasil membuat kemajmukan yang ada di masyarakatnya menjadi suatu kolaborasi dan sintesis pelbagai kebudayaan sehingga menghasilkan sebuah *universalistic civilization* yang kosmopolitan.

Kajian terhadap toleransi universal yang diterapkan Akbar akan menjadi kajian yang bermanfaat dalam bidang dialog antaragama dan antarperadaban, apalagi pertikaian atas nama agama dan perbezaan ideologi, bahkan mungkin peradaban sehingga masa ini masih menjadi penghalang dalam rangka penciptaan perdamaian dunia. Posisi Islam dalam sebuah realiti politik, sosial, budaya dan agama yang majmuk adalah sebuah entiti yang tidak boleh dielakkan pada masa

ini, sehingga perlu dikaji format yang baik dalam menentukan posisi Islam itu sendiri. Sultan Akbar pada masa itu telah mampu membuat pola di mana memposisikan Islam 'secara cantik' dalam kemajmukan bangsa. Oleh kerana itu, kajian ini juga sangat bermanfaat dalam memberikan pengetahuan bagi proses dialog antaragama dan juga antaperadaban yang akhir-akhir ini banyak dilakukan di beberapa bahagian dunia.

Kajian ini juga akan melihat lebih jauh bahawa kemajuan kebudayaan dan peradaban Islam tidak boleh terbentuk dan menjadi sebuah peradaban dunia yang dihormati apabila dengan menerapkan hukum Islam yang formal dan ketat di suatu wilayah, tetapi hanya boleh dicapai apabila nilai-nilai universal ajaran Islam tersebut mampu mewujud dan berkolaborasi dengan pelbagai budaya dan peradaban lain. Posisi Dinasti Mughal di India pada masa kepimpinan Akbar sudah membuktikannya. Inilah sebabnya Akbar digelari *Mahamati Akbar* (*Akbar the Great/Akbar Agung*) oleh masyarakat India.

1.4. Kajian Lepas

Kajian tentang pembentukan peradaban sejagat pada masa Akbar menarik untuk dikaji. Tetapi penyelidikan-penyalidikan mengenai tema ini sangat terbatas dalam bahasa Melayu kerana kebanyakan penyelidikan terdapat dalam bahasa-bahasa asing. Penyelidikan-penyalidikan itupun merupakan kajian umum tentang biografi ataupun pemerintahan Akbar dan kebanyakan tulisan hanya membahaskan sebahagian kecil sahaja dalam konteks studi yang lebih luas serta hanya membahas aspek tertentu di luar objek studi yang sedang dibuat ini.

Banyak tulisan yang membahaskan tentang Akbar hanya daripada sudut pandang politik sahaja sehingga memahami segala aktiviti yang dilakukannya adalah digerakkan oleh kepentingan politik. M. L. Roy Choudhury dalam buku *The Din-i-Ilahi or Religion of Akbar*³⁷ yang mencuba membahaskan bahawa semua aktiviti politik Akbar tidak boleh terlepas daripada semangat keagamaan yang mengitarinya. Buku ini memaparkan secara luas tentang latar belakang sejarah dan budaya yang membentuk pemikiran Akbar. Penulis berhasil mengungkapkan secara panjang lebar pelbagai kekuatan dan gerakan keagamaan yang berlaku pada masa itu, sama ada daripada India mahupun Asia tengah yang memahami kehidupan keagamaan secara terbuka. Pelbagai kekuatan itulah yang akhirnya menghubungkan Akbar dengan komuniti-komuniti keagamaan lain yang berpuncak kepada pembentukan *Din-i-Ilahi*. Dengan data sejarah yang patut dipercayai, penulis akhirnya menyimpulkan bahawa dengan *Din-i-Ilahi* tidak menyebabkan Akbar keluar daripada Islam.

Penyelidikan tentang evolusi pemikiran keagamaan Akbar dihubungkan dengan perubahan komposisi kakitangan kerajaannya secara spesifik dibahas dalam *The Nobility under Akbar and the Development of His Religious Policy (1560-1580)* tulisan Iqtidar Alam Khan.³⁸ Dia menerangkan bahawa semakin bertambahnya jumlah bangsawan daripada suku Rajput dan bangsawan Persia menyebabkan semakin terhakisnya kekuatan keturunan Turki seperti mana terhakisnya tradisi dan budaya Chagatay di dalam kerajaan sehingga inilah yang menyebabkan terjadinya penentangan dalam pemahaman keagamaan. Kerana itu,

³⁷ Makhan Lal Roy Choudhury, *The Din-i-Ilahi or Religion of Akbar*, third edition, New Delhi: Oriental Book Reprints, 1985.

³⁸ Iqtidar Alam Khan, "The Nobility under Akbar and the Development of His Religious Policy," *Journal of the Royal Asiatic Society* (1968), hlm. 29-36.

perubahan yang terjadi pada masa itu adalah evolusi daripada struktur bagsawan yang homogen digantikan kepada struktur kebangsawanan yang heterogen. Perubahan struktur kebangsawanan inilah yang mempengaruhi pelbagai polisi Akbar.

Pembahasan perkembangan polisi keagamaan Akbar oleh Iqtidar Alam Khan sehingga 1580 tersebut diteruskan oleh M Athar Ali tentang pandangan keagamaan Akbar di dalam tulisannya *Akbar and Islam (1581-1605)*.³⁹ Dia berpendapat bahawa pemikiran sufisme dan pentheistik serta pemikiran keagamaan yang dikembangkan oleh Akbar terlalu elitis. Tetapi dalam sisi-sisi tertentu pemberlakuan polisinya memang memperlihatkan sikap toleransi dan keterbukaan, tidak hanya kepada orang-orang Hindu, tetapi juga kepada kalangan Syi'ah.

Buku yang membahaskan tentang keadaan keagamaan pada masa Akbar adalah *Religious and Intellectual History of the Muslims In Akbar's Reign*⁴⁰ yang ditulis oleh Saiyid Athar Abbas Rizvi. Dalam buku ini dijelaskan tentang kecenderungan intelektual dan keagamaan yang paling besar daripada polisi keagamaan Akbar. Buku ini lebih menitikberatkan kepada peranan Abu'l Fazl, setiausaha peribadi Akbar, dan ayahnya, Shaikh Mubarak, serta keluarganya dalam memberikan pendapat terhadap pelbagai polisi yang dikeluarkan oleh Akbar. Kajian Rizvi ini kurang memberikan penekanan ke atas peranan Akbar sebagai pemimpin yang mempunyai posisi penuh sebagai penguasa, tetapi hanya

³⁹ M. Athar Ali, "Akbar and Islam (1581-1605)", dalam Milton Israel dan N. K. Wagle (eds.), *Islamic Society and Culture: Essays in Honour of Professor Aziz Ahmad*, Delhi: Manohar, 1983, hlm. 123-133.

⁴⁰ Saiyid Athar Abbas Rizvi, *Religious and Intellectual History of the Muslims in Akbar's Reign*, New Delhi: Munshiram Manoharlal Publisher Pvt. Ltd., 1975.

sebagai pelaksana dan penerima idea-idea yang digagas oleh Abu'l Fazl dan keluarganya.

Buku yang tidak terlalu jauh daripada pembahasan Roy Choudhury tentang *Din-i-Ilahi* adalah buku *Din-i-Ilahi: Kontroversi Keberagamaan Sultan Akbar Agung (India 1560-1605)* karangan Umar Asasuddin Sokah.⁴¹ Buku tersebut menghuraikan tentang perkembangan pemikiran keagamaan Sultan Akbar tentang *Din-i-Ilahi* daripada segi teologi. Permasalahan mendasar yang dibahas dalam buku tersebut menerangkan tentang situasi keagamaan menjelang dan ketika Akbar memerintah difokuskan pada agama-agama yang ada di India pada masa itu, sebab-sebab munculnya *Din-i-Ilahi*, garis besar ajaran, serta kesannya di masyarakat. Oleh itu, kajian Umar Asasuddin Sokah adalah kajian tentang intipati *Din-i-Ilahi*, bukan pada kepentingan pengaruh *Din-i-Ilahi* terhadap keharmonian kehidupan kerajaan yang majmuk.

Daripada kesemua Buku dan Jurnal di atas, belum ada yang mengaitkan konsep pemikiran keagamaan Akbar yang toleran, khususnya konsep toleransi universalnya serta pengaruhnya kepada pembentukan peradaban Islam pada masa itu, apalagi mengaitkan konsep toleransi yang dikembangkannya itu bagi pembentukan peradaban Islam yang kosmopolitan. Kerana itu, pembahasan dalam disertasi ini akan mencuba menyelidiki kaitan antara konsep toleransi universal yang dikembangkan oleh Akbar dalam membentuk peradaban Islam yang universal dan kosmopolitan pada masa itu. Akan dilihat juga unsur-unsur toleransi universal yang dikembangkan oleh Akbar sebagai alat analisis bagi pembentukan peradaban Islam sejagat pada masa hadapan.

⁴¹ Lihat nota kaki no. 28.

1.5. Metodologi Penyelidikan

Kajian ini merupakan kajian yang menggunakan pendekatan sosio-historis.

Pendekatan sejarah (historis) dalam kajian ini diterapkan untuk menghasilkan bentuk dan proses pengkisahan atas peristiwa-peristiwa dalam peradaban manusia yang terjadi secara kronologik.⁴² Dengan pendekatan sejarah ini, diharapkan dapat menghasilkan suatu penjelasan tentang pelbagai perkara mengenai pembentukan sebuah peradaban sejagat yang diusahakan oleh Akbar, sama ada daripada segi asal-usul dan signifikansi pembentukan peradaban sejagat.

Pendekatan ilmu sosial yang digunakan di sini adalah pendekatan *behavioral*. Dengan pendekatan ini, penulis tidak hanya akan tertuju kepada kejadiannya, tetapi tertuju kepada pelaku sejarah dalam situasi sebenarnya dan cara pelaku mentafsirkan situasi yang dihadapi. Daripada pentafsiran tersebut muncul suatu tindakan yang menimbulkan suatu kejadian, dan selanjutnya akan timbul konsekuensi daripada tindakan pelaku sejarah.⁴³ Daripada pendekatan di atas, akan dikaji begaimana Akbar menginterpretasikan totaliti situasi yang dihadapi. Pada masa yang sama, akan diterangkan juga manifestasi usaha pembentukan peradaban sejagat pada masanya dipandang daripada tujuan, motif, rangsangan, dan persekitaran yang menyebabkan lahirnya usaha tersebut dan kesannya ke atas posisi peradaban Islam di antara peradaban dunia masa itu.

⁴² Penjelasan menyeluruh tentang ilmu sejarah boleh dirujuk dalam Edward Hallett Carr, *What is History?*, New York: Vintage Book, 1961.

⁴³ Robert F. Berkhofer, Jr., *A behavioral Approach to Historical Analysis*, New York: Free Press, 1971, hlm. 67-73.

Pendekatan *behavioral* tersebut akan digunakan untuk melihat toleransi universal Akbar dalam membentuk 'kontrak sosial'⁴⁴ sehingga menghasilkan peradaban universal dan kosmopolitan. Kontrak sosial adalah suatu hubungan kontraktual antara pelbagai elemen masyarakat di mana masing-masing elemen atau individu akan kehilangan sebahagian kebebasannya kerana diberikan kepada seluruh elemen lainnya untuk membentuk dan memperolehi kebebasan awam; iaitu kebebasan yang dijamin oleh *general will* (kehendak am masyarakat). *General will* tersebut merepresentasikan matlamat tertinggi daripada kontrak sosial, iaitu matlamat untuk kebaikan semua elemen masyarakat sekaligus keseluruhannya yang mutlak benar kerana ianya merupakan intipati daripada kehidupan kolektif itu sendiri. *General will* inilah yang harus diwujudkan oleh sebuah negara yang majmuk. Kerana itu, negara memiliki otoriti ke atas warga negaranya dalam mewujudkannya. Dalam kerangka dan andaian inilah akan dilihat bagaimana Akbar menerapkan toleransi universalnya.

Metod penelitian dalam kajian ini dilakukan secara deskriptif-analitik dengan menggunakan seperangkat asas atau kaedah yang sistematik untuk membantu secara efektif dalam mengumpulkan sumber-sumber dan menilainya secara kritikal, serta menyajikan suatu sintesis hasil yang dicapai, pada amnya dalam bentuk tertulis mengenai peristiwa sejarah manusia secara kronologik dan mendalam.⁴⁵ Penyelidikan ini adalah penyelidikan kepustakaan di mana proses

⁴⁴ Istilah kontrak sosial adalah terjemahan bebas daripada istilah *social compact* yang dikemukakan oleh Rousseau. Lebih jelasnya mengenai istilah dan konsep tentang kontrak sosial rujuk dalam Jean Jacques Rousseau, *The Social Contract*, trans. by G. D. H. Cole, London: Dent, 1955. Untuk edisi terjemahan dalam bahasa Indonesia rujuk dalam Jean Jacques Rousseau, *Kontrak Sosial*, diterj. oleh Sumardjo, Jakarta: Erlangga, 1986.

⁴⁵ Gilbert J. Garraghan, *A Guide to Historical Method*, New York: Fordham University Press, 1984, hlm. 33. Bandingkan dengan Louis Gottschalk, *Mengerti Sejarah*, diterj. oleh Nugroho

pengumpulan data (*heuristik*) dilakukan dengan bahan dokumen⁴⁶ melalui pencarian buku-buku, jurnal, makalah, dan lain-lain di katalog beberapa perpustakaan, dan membuat nota terhadap sumber-sumber terkait yang dapat digunakan dalam kajian-kajian sebelumnya. Oleh itu, selama proses pengumpulan data akan dilakukan semaksimum mungkin secara berterusan mengingat tidak menutup kemungkinan banyak sumber yang secara berterusan berkurang, tetapi pada masa yang sama juga mengurangi sumber-sumber yang sudah tidak relevan lagi terhadap topik bahasan.⁴⁷

Sumber-sumber itu kemudiannya akan diuji keaslian (otentisiti) dan kesahihannya (kredibiliti) melalui kritik luaran (ekstern) dan dalaman (luaran) sumber dengan menghuraikan dan mengecek silang data-data yang ada daripada pelbagai sumber tersebut dan akan diambil data-data yang paling boleh dipercayai. Selepas data-data itu dianalisis, maka akan disintesiskan menjadi fakta-fakta melalui pendekatan dan kerangka teoritik di atas. Dalam tahap interpretasi ini akan diusahakan untuk bersikap objektif sehingga tahapan selanjutnya, iaitu tahap penulisan, dapat dicapai penulisan yang kronologik dan dikemukakan menurut topik-topik penting darpada setiap perkembangan objek penyelidikan.⁴⁸

Notosusanto, Jakarta: Universitas Indonesia Press, 1986, hlm. 32. lihat juga Hugiono dan P. K. Poerwantana, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Jakarta: Bina Aksara, 1987, hlm. 25.

⁴⁶ Mengenai pengumpulan bahan dokumen, lihat Kuntowijoyo, *Pengantar Ilmu Sejarah*, Yogyakarta: Bentang, 1997, hlm. 95.

⁴⁷ J. H. Hexter, *The History Primer*, New York & London: Basic Book Inc., 1971, hlm. 67-73.

⁴⁸ Kuntowijoyo, *Pengantar*, hlm. 98-105.

1.6. Kerangka Pembahasan

Kerangka pembahasan penyelidikan ini terdiri daripada enam bab yang berusaha disusun menjadi sebuah penjelasan yang kronologik dan utuh. Bab I adalah pendahuluan yang memuat latar belakang masalah, skop dan perumusan masalah, objektif dan manfaat kajian, kajian lepas, metodologi penyelidikan, dan yang terakhir kerangka pembahasan.

Bab II membahaskan kondisi India sebelum Akbar memerintah pada masa Dinasti Mughal dengan melihat kondisi sosial keagamaannya secara luas dan pelbagai polisi keagamaan beberapa penguasa Islam di India sebelum Akbar. Perkara ini akan membantu untuk melihat secara lebih umum kondisi India masa itu dan melihat perbezaan antara situasi dan kondisi sosial keagamaan sebelum Akbar dan pada masa Akbar sendiri yang selanjutnya akan dibahas pada bab III.

Pada bab III akan dijelaskan tentang konsep toleransi universal dalam konteks kondisi kehidupan sosial keagamaan pada masa Akbar, sebab-sebab Akbar memberlakukan toleransi universal, dan manifestasi pemberlakuan toleransi universal itu sendiri. Wujudnya pemberlakuan toleransi universal yang timbul daripada pelbagai faktor tersebut pada masa yang sama memberikan kesan terhadap kehidupan masyarakat India yang akan diuraikan dalam bab IV; merangkumi respon para ulama dan masyarakat, sama ada yang setuju ataupun tidak setuju, dan kesannya ke atas kehidupan sosial keagamaan, budaya, politik, dan ekonomi.

Bab V merupakan analisis ke atas semua usaha Akbar dalam menciptakan peradaban universal melalui prinsip *Sulh-i-Kul*-nya. Bab ini akan melihat secara kritikal posisi Akbar di dalam sejarah Mughal dan juga peradaban Islam di India

dalam konteks peradaban dunia sehingga beliau boleh mengkolaborasikan secara cantik antara nilai-nilai universal Islam dengan pelbagai nilai-nilai peradaban selain daripada Islam untuk membentuk suatu peradaban yang kosmopolitan.

Penyajian hasil penyelidikan ini akan diakhiri dengan kesimpulan ke atas seluruh pembahasan disertasi ini dan diharapkan dapat memunculkan *line of argument* daripada huraian bab-bab sebelumnya. Bab ini juga sebagai bab penutup yang diletakkan pada bab VI.